



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL  
HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL HAIWAN  
KESAYANGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG  
PERAI (SPETCIAL 2.0) SEMPENA SAMBUTAN HARI  
BANDARAYA KE-5**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**05 OKTOBER 2024 (SABTU)  
5.45 PETANG**

**DEWAN KONSEP AUTOCITY  
JURU**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**YBhg Datin Noraishah Binti Hashim**

Pengerusi Puspanita MBSP

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai dan

Puan Maziana Binti Mohd Mokhtar

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana memberi kita kesihatan dan juga kekuatan untuk sama-sama menjayakan Majlis Perasmian Karnival Haiwan Kesayangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (SPETCIAL 2.0) Sempena Sambutan Hari Bandaraya Ke-5 ini.
2. Untuk makluman, Program SPETCIAL 2.0 merupakan salah satu aktiviti yang terkandung di dalam Pelan Strategik Seberang Perai 2023-2030 khususnya Seberang Perai Corporate Priorities 2024 (SP09 - keterlibatan komuniti). Ini merupakan edisi kali kedua setelah edisi pertama berjaya dilakukan di *Design Village Outlet Mall* pada 30 September 2023.
3. Karnival Haiwan Kesayangan Majlis Bandaraya Seberang Perai merupakan satu program yang dirangka khas untuk haiwan kesayangan khususnya kucing dan juga anjing yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Bandaraya MBSP 2024 yang ke-5.
4. Ini juga adalah selaras dengan usaha untuk mengelakkan berlakunya pandangan negatif daripada segelintir masyarakat terhadap cara

Majlis Bandaraya Seberang Perai menangani isu haiwan kesayangan dan haiwan terbiar. MBSP juga sentiasa proaktif di dalam mencari kaedah-kaedah baru yang saintifik dalam mengawal populasi haiwan terutamanya anjing dan kucing.

5. Sempena dengan Karnival yang dijalankan pada hari ini, saya ingin menyeru kepada semua pemilik anjing dan kucing untuk menjaga haiwan peliharaan dengan baik dan bertanggungjawab kerana MBSP banyak menerima aduan berkenaan dengan kesalahan memelihara anjing tanpa lesen serta kacauganggu dari haiwan peliharaan tersebut.
6. Perancangan masa hadapan MBSP adalah untuk menerapkan kefahaman masyarakat ke arah mempunyai sikap bertanggungjawab dalam pengurusan haiwan kesayangan (*responsible pet ownership*) terutama sekali dalam aspek penjagaan kesihatan asas, keperluan pemandulan, kebajikan haiwan dan program berteraskan 'Trap, Neuter, Release and Manage (TNR-M) dan *Community Engagement (CE)*' dengan kerjasama NGO setempat dalam mengurangkan masalah lebihan populasi haiwan terbiar di Seberang Perai.
7. Antara aktiviti-aktiviti menarik sepanjang Program SPETCIAL 2.0 diadakan pada hari ialah:-

- i. **Fur-a-thon 2.0:** Larian santai haiwan mengelilingi Auto-city Juru dengan jarak 1.5km.
- ii. **Hero Kampung:** pertandingan kucing cantik khusus untuk kucing baka tempatan dengan sasaran penyertaan seramai 30 peserta.
- iii. **Pameran daripada agensi-agensi kerajaan:** PERHILITAN, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang serta MBSP, dan NGO save a stray animal (SASA)
- iv. **Pemeriksaan kesihatan dan vaksin percuma kepada anjing dan kucing** oleh Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan.
- v. **Demonstrasi pertunjukan unit K9 PDRM**
- vi. **Penyampaian hadiah** kepada para pemenang pertandingan mewarna kanak-kanak (pertandingan dilakukan di sekolah) serta para pemenang pertandingan video tiktok.
- vii. **Jualan produk-produk** barang haiwan sepanjang program berlangsung.
- viii. **Pameran mini zoo.**

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk merealisasikan program Karnival

Haiwan Kesayangan Seberang Perai pada hari ini. Dan diharapkan kerjasama ini akan berterusan serta dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Seberang Perai khususnya.

9. Dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan **Program Karnival Haiwan Kesayangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (SPETCIAL 2.0) Sempena Sambutan Hari Bandaraya Ke-5** ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***